

## UCAPAN BAJET DBKL 2016

Oleh

**Y.BHG DATUK HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ  
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**19 NOVEMBER 2015**

***"KUALA LUMPUR CERIA, MAKMUR SEJAHTERA"***

*Bismillahir rahmannir rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejahtera

YBhg Datuk-Datuk / Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

### **PENDAHULUAN**

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, hari ini buat julung kalinya saya membentangkan Bajet 2016 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setelah dilantik menjadi Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke-11 pada 18 Julai 2015 yang lalu.
2. Sebelum bingkisan Bajet 2016 diteruskan, saya ingin berkongsi rasa gembira dengan pencapaian prestasi kedudukan Kuala Lumpur sepanjang tahun 2015 di mata dunia dari aspek pembangunan bandar yang boleh dibanggakan. Antaranya adalah kedudukan Kuala Lumpur di tangga ke 18 dunia seperti yang telah dilaporkan oleh *World Bank Group* dalam "*Feasibility of Doing Business 2015*" yang meningkat 2 anak tangga dari tahun 2014. Seterusnya, dalam aspek "*Dealing with Construction Permits*", Kuala Lumpur berada di tangga ke-12 berbanding kedudukan 28 pada tahun 2013.

Peningkatan sebanyak 16 anak tangga ini menunjukkan bahawa Kuala Lumpur mempunyai budaya kerja dan kecekapan yang baik dalam menangani isu permit dalam industri pembinaan.


3. Pada 4 November 2015, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah meluluskan Bajet 2016 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dirangka secara komprehensif dengan ekspektasi menjadi pemangkin bagi mendepani persekitaran ekonomi, sosial dan pembangunan yang semakin mencabar. Dalam usaha untuk mencapai visi menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020, Bajet 2016 menuntut satu perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi citarasa warga kota dan keperluan pelanggan DBKL.
4. Elemen yang diberi keutamaan di dalam merencana Bajet 2016 adalah kepekaan serta keprihatinan DBKL kepada keperluan penduduk Kuala Lumpur dan seterusnya menjadi inisiatif serta penyelesaian segera yang berkesan terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh orang awam. Justeru, isu serta permasalahan terutamanya berkaitan penyelenggaraan jalan dan lalu lintas, prasarana kemudahan awam, perumahan, perniagaan, kebersihan, penguatkuasaan telah diberi tumpuan di dalam Bajet 2016.
5. Selain daripada memberi tumpuan kepada usaha menyediakan perkhidmatan perbandaran dan tadbir urus yang efektif dan efisien bagi meningkatkan kesejahteraan warga kota, peruntukan yang disediakan juga adalah mengikut kemampuan kewangan semasa DBKL berteraskan kepada prinsip “**value for money**” iaitu mendapat pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
6. Tema Bajet 2016 adalah “**Kuala Lumpur Ceria, Makmur Sejahtera**” menggambarkan bahawa DBKL akan terus komited bagi memastikan warga kota dapat mengecapi kesejahteraan suasana kehidupan melalui persekitaran kota raya yang ceria, bersih, mudah sampai, selamat serta makmur dalam kepelbagaian budaya, bangsa dan agama.

## PRESTASI KEWANGAN DBKL

7. Di kesempatan ini juga, ingin saya menzahirkan rasa kesyukuran dan puas hati dengan pencapaian prestasi kewangan DBKL pada 2014 yang memberangsangkan. Prestasi Kewangan 2014 yang telah diaudit dan bakal dibentangkan di Parlimen (Dewan Rakyat) menunjukkan pencapaian yang amat positif. Prestasi pendapatan telah meningkat sebanyak **20%** iaitu **RM2.31 bilion** pada tahun 2014 dengan peningkatan jumlah pendapatan sebanyak **RM381.37 juta** berbanding pendapatan tahun 2013 sebanyak **RM1.93 bilion** manakala jumlah perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM1.44 bilion** berbanding pada tahun 2013 iaitu **RM1.4 bilion** (meningkat sebanyak **RM37.62 juta** atau **3%**). Kadar peningkatan dalam jumlah perbelanjaan dalam tempoh dua tahun tersebut tidaklah terlalu signifikan jika dibandingkan dengan kadar peningkatan pendapatan. Senario ini menjadi pemangkin untuk DBKL bergerak lebih produktif dan efisien terutamanya dalam menguruskan hal-hal kewangan.
8. DBKL sentiasa berusaha menguruskan aspek kewangan secara berkesan dan teratur di mana bagi tahun kewangan 2014, DBKL sekali lagi dianugerahkan Sijil Bersih (Tidak Berteguran) oleh Ketua Audit Negara. Ketua Audit Negara dalam laporannya bertarikh 28 Ogos 2015 menyatakan bahawa Penyata Kewangan DBKL telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan DBKL pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.
9. Berasaskan kepada prestasi kewangan yang baik ini, DBKL dapat menyediakan Bajet 2016 yang merupakan **Belanjawan Seimbang** berlandaskan keupayaan DBKL membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan walaupun dalam situasi ekonomi yang tidak menentu masa kini. Setelah mengambil kira faktor utama untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada warga kota, bajet ini disediakan bukan sahaja untuk melaksanakan program dan aktiviti operasi tetapi juga kesinambungan kepada projek-projek pembangunan 2015 demi kepentingan masalah umum terutamanya warga penduduk Kuala Lumpur.

**BAJET DBKL 2016**

10. Bajet DBKL 2016 diluluskan dengan peruntukan sebanyak **RM2.72 bilion** di mana **RM1.72 bilion** atau **63%** disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM997 juta** atau **37%** untuk Peruntukan Pembangunan.



CARTA 1

11. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan sebanyak **3.4%** atau **RM89.84 juta** dalam Bajet DBKL 2016 berbanding dengan bajet pada tahun 2015 iaitu sebanyak **RM2.63 bilion** (selepas mengambil kira pindaan peruntukan dalam Bajet Tambahan 2015). Peruntukan Mengurus meningkat sebanyak **6.1%** atau **RM99.6 juta** dalam Bajet 2016 berbanding dengan **RM1.63 bilion** yang diperuntukkan dalam Bajet 2015. Untuk Peruntukan Pembangunan, berlaku penurunan sebanyak **0.97%** atau **RM9.8 juta** iaitu daripada **RM1.006 bilion** dalam Bajet 2015 kepada **RM 997 juta** dalam Bajet 2016.

12. Seperti tahun-tahun sebelumnya, program, aktiviti dan projek yang dirancang menerusi Bajet DBKL 2016 adalah selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang menggariskan lima (5) matlamat utama :



- 12.1. **Bandaraya Milik Warga Kota (City For People)** menggambarkan sebuah bandar raya yang menekankan persekitaran yang berkualiti, mengamalkan cara hidup sihat dan selamat, saling berhubung dan menghormati keunikan budaya masing-masing serta harmoni.
- 12.2. **Kemakmuran Ekonomi (Economic Prosperity)** mensasarkan untuk menghapuskan jurang ekonomi dan menghasilkan persekitaran ekonomi yang seimbang dengan memberi peluang sama rata kepada warga kota dalam menceburi bidang perniagaan dan keseimbangan dalam pemilikan harta. Ia jua akan memberi peluang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berupaya menawarkan kepelbagaian jenis perniagaan.

- 12.3. **Bandaraya Saling Bersaring (Connected City)** ialah jaringan bandar yang sentiasa berhubung antara satu sama lain melalui rangkaian pengangkutan awam, jalan raya, laluan pejalan kaki dan kenderaan bermotor yang menjadi medium perhubungan secara fizikal dan maya.
- 12.4. **Bandaraya Eko (Eco City)** menggambarkan sebuah bandar raya yang maju dari segi ekonomi di dalam kawasan yang hijau yang mampu memberi ketenangan minda serta mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat untuk menjamin kualiti hidup warga kota.
- 12.5. **Bandaraya Tadbir Urus Cepak (Good Governance)** melahirkan pentadbir yang adil, telus dan cekap dalam menjalankan tanggungjawab menguruskan sumber-sumber bagi memenuhi keperluan orang ramai dan warga kota.


#### **FOKUS BAJET 2016**

13. Bajet yang disediakan ini selari dengan Visi DBKL iaitu 'Merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi ekspektasi wargakota' dan bercirikan Wilayah Persekutuan Maju serta Bandar Sejahtera.
14. Seperti cabaran-cabaran yang dihadapi Kerajaan Persekutuan dalam penyediaan Bajet Negara 2016 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober yang lalu, DBKL juga perlu menempuhi keadaan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, nilai matawang yang rendah, ketiadaan peruntukan mengurus daripada kerajaan serta sumber hasil DBKL yang terhad. Hal ini telah diambil perhatian yang serius dalam penyediaan Bajet 2016 bagi memastikan sasaran Belanjawan Seimbang dapat dicapai dengan jayanya.

15. Bertepatan dengan dasar kerajaan untuk menjadi Negara Maju menjelang 2020, DBKL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan pentadbir bandar raya akan terus komited untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi pusat perkembangan ekonomi, kewangan, budaya, pendidikan, pelancongan, kesihatan yang unggul di rantau ini walaupun terpaksa menempuhi cabaran-cabaran semasa dan mendatang yang semakin kompleks.
16. Persekitaran yang kondusif, aman, infrastruktur dan sistem perhubungan yang moden dan tersusun, kawasan perumahan yang mencukupi, keselamatan yang terjamin, peluang perniagaan dan pendidikan yang terbuka serta berdaya saing harus diberi perhatian utama demi kelangsungan hidup warga kota dalam kota yang pesat membangun ini.
17. Lantaran itu, DBKL telah merangka empat belas (14) program yang bakal dilaksanakan dalam Bajet 2016 yang juga merupakan kesinambungan kepada program sedia ada iaitu :
  - 17.1. Pengurusan dan Pentadbiran
  - 17.2. Pembersihan Bandar
  - 17.3. Penghijauan, Penyelenggaraan Taman, Tanah Lapang dan Kemudahan Rekreasi
  - 17.4. Jalan Raya dan Saliran
  - 17.5. Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalu Lintas
  - 17.6. Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Siar Kaki
  - 17.7. Penyelenggaraan, Naiktaraf dan Ubahsuai Bangunan
  - 17.8. Penjaja dan Peniaga Kecil
  - 17.9. Penguatkuasaan
  - 17.10. Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat
  - 17.11. Kesihatan
  - 17.12. Pembangunan Komuniti
  - 17.13. Kebudayaan, Kesenian dan Sukan
  - 17.14. Pelancongan


**RINGKASAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2016**  
**PECAHAN PERUNTUKAN MENGURUS 2016**

CARTA 3



18. Di bawah Peruntukan Mengurus, **RM500.3 juta (29%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM66 juta (3.8%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa dan **RM1.085 bilion (62.8%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan. Sejumlah **RM6.7 juta (0.4%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset kecil dan inventori. Sementara itu, sebanyak **RM37 juta (2.1%)** diperuntukkan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan bakinya sejumlah **RM32.6 juta (1.9%)** adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain. Peruntukan Mengurus ini telah meningkat sebanyak **6.1%** berbanding Peruntukan Mengurus tahun 2015.



**PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2016**

19. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sebanyak **RM997 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, penggantian dan pembelian aset modal. Jumlah peruntukan ini berkurangan sebanyak **0.97%** berbanding Peruntukan Pembangunan 2015 iaitu **RM1.007 bilion** (selepas mengambil kira Bajet Tambahan 2015).
20. Pecahan Peruntukan Pembangunan terbahagi kepada pembiayaan DBKL sebanyak **RM562.3 juta (56%)** manakala bakinya iaitu sebanyak **RM434.7 juta (44%)** merupakan pembiayaan daripada kerajaan, swasta dan lain-lain.
21. Pembiayaan daripada kerajaan yang berjumlah **RM246.5 juta** diperuntukkan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) manakala sejumlah **RM6.8 juta** di bawah pembiayaan NKRA bagi projek pembinaan hentian bas akhir bandar, jejantas serta laluan pejalan kaki berbumbung. Seterusnya, sebanyak **RM170.1 juta** diperuntukkan di bawah program NKEA *Greater KL / KV* bagi projek *River of Life*, *Greener KL*, *Pedestrian Network* dan *Global Attractions*.

Pembiayaan daripada pihak swasta yang disumbangkan oleh Petronas sebanyak **RM2 juta** adalah bagi projek **Pedestrian Linkages**. Di samping itu, lain-lain pembiayaan sebanyak **RM9.3 juta** disalurkan oleh **Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia** (TP-1Malaysia), **Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar** (bagi kerja-kerja pembaikan cerun di tanah milik Kerajaan), **Kementerian Wilayah Persekutuan** (bagi pewartaan rezab sungai, kolam takungan banjir serta kajian sumber air bawah tanah) dan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** (pembinaan Kompleks Akademi Tahfiz dan pembesaran surau PPR Beringin Fasa 2) .

22. Walaupun Peruntukan Pembangunan 2016 menurun berbanding 2015, namun kepentingan umum dari segi penyediaan kemudahan awam demi keselesaan dan kesejahteraan penduduk Kuala Lumpur tetap diberi perhatian utama. Untuk itu, sebanyak **87 projek baru** melibatkan 83 projek di bawah pembiayaan DBKL dan 4 projek dibiayai di bawah RMK-11 telah diambil kira untuk dilaksanakan pada tahun 2016.

#### 14 PROGRAM PERUNTUKAN MENGRUS & PEMBANGUNAN 2016

JADUAL 1

PECAHAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN MENGIKUT PROGRAM BAJET 2016				
BIL	OBJEK/PROGRAM	MENGRUS RM	PEMBANGUNAN RM	JUMLAH RM
1	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN	212,667,000	83,700,000	296,367,000
2	PEMBERSIHAN BANDAR	282,020,000	2,500,000	284,520,000
3	PENGHIJAUAN, PENYELENGGARAAN TAMAN, TANAH LAPANG DAN KEMUDAHAN REKREASI	72,284,800	45,250,000	117,534,800
4	JALAN RAYA DAN SALIRAN	118,250,000	552,050,000	670,300,000
5	LAMPU JALAN DAN KEMUDAHAN SISTEM LALULINTAS	86,000,000	42,200,000	128,200,000
6	TEMPAT LETAK KERETA, HENTIAN BAS DAN SIAR KAKI	5,218,000	64,040,000	69,258,000
7	PENYELENGGARAAN, NAIKTARAF DAN UBAHSUAI BANGUNAN	41,929,600	33,790,000	75,719,600
8	PENJAJA DAN PENIAGA KECIL	13,980,000	24,500,000	38,480,000
9	PENGUATKUASAAN	27,922,500	-	27,922,500
10	PERUMAHAN AWAM DAN RAKYAT	153,090,000	48,150,000	201,240,000
11	KESIHATAN	6,432,000	-	6,432,000
12	PEMBANGUNAN KOMUNITI	35,680,000	49,470,000	85,150,000
13	KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN SUKAN	15,780,000	25,200,000	40,980,000
14	PELANCONGAN	13,750,000	26,150,000	39,900,000
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,085,003,900</b>	<b>997,000,000</b>	<b>2,082,003,900</b>

## 22.1. Program Pengurusan dan Pentadbiran :

Sumber manusia atau kakitangan merupakan aset terpenting dan tenaga penggerak yang menyumbang kepada sesebuah organisasi bagi melaksanakan operasi dan aktiviti harian. Oleh itu, sejumlah **RM500.25 juta** atau **28.9%** daripada Peruntukan Mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji, bayaran-bayaran elaun perkhidmatan serta imbuhan tahunan untuk 11,902 perjawatan.

Dalam visi untuk memacu DBKL menjadi PBT yang terunggul di Malaysia, strategi memperkasakan modal insan yang menerajui DBKL perlu dimantapkan dari segi kecekapan, kemahiran dan keberkesanan perkhidmatan kepada lebih 1.7 juta penduduk Kuala Lumpur. Visi ini dapat dicapai melalui penggunaan sistem dan teknologi moden yang menepati keperluan harian kakitangan, persekitaran pejabat yang kondusif selain menyediakan pusat latihan kakitangan untuk meningkatkan produktiviti, motivasi dan keberkesanan di dalam penyampaian perkhidmatan. Sejumlah **RM212.67 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan program dan memperingkatkan kemudahan pengurusan seperti berikut :

- 22.1.1. Sejumlah **RM118.84 juta** diperuntukkan bagi pengurusan pejabat dan hal ehwal pentadbiran termasuk penyelenggaraan kenderaan, penyewaan pejabat-pejabat DBKL, penyelenggaraan sistem serta penyewaan komputer.
- 22.1.2. Sementara itu sejumlah **RM68.41 juta** disediakan untuk bayaran kepada pelbagai syarikat utiliti bagi tujuan bekalan elektrik, air, dan telefon.
- 22.1.3. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan di samping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan. Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja yang memenuhi aspirasi warga kota. Bagi tujuan ini, sejumlah **RM25.41 juta** diperuntukkan.

Sementara itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, sebanyak **RM83.7 juta** disediakan di bawah program ini. Jumlah ini termasuk **RM25 juta** yang diperuntukkan bagi pembayaran pengambilan tanah dan premium tanah projek-projek pembangunan yang bakal dilaksanakan. Selain itu, sejumlah **RM24.1 juta** merupakan peruntukan untuk pembelian aset modal, kenderaan dan pembangunan sistem berkomputer bagi membantu kakitangan memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cemerlang kepada orang ramai.

## 22.2. Program Pembersihan Bandar :

Suasana persekitaran yang bersih, indah dan selesa amat penting bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai ikon serta destinasi tumpuan para pelancong. Dengan daya tarikan kebersihan dan ciri keindahan yang tersendiri boleh mempromosikan nama Kuala Lumpur di persada dunia. Selaras dengan tema Bajet 2016, iaitu “**Kuala Lumpur Ceria, Makmur Sejahtera**” yang menggambarkan suasana Bandaraya Kuala Lumpur yang bersih, indah dan ceria. Peruntukan Mengurus yang besar disediakan iaitu sebanyak **RM282 juta** di bawah program ini.

Dengan kepadatan penduduk melebihi 1.7 juta yang mendiami Kuala Lumpur, peruntukan ini diperlukan bagi anggaran sejumlah 3,000 tan metrik sisa domestik dan sisa pukal yang harus diuruskan oleh DBKL setiap hari atau 1.095 juta tan metrik setahun. Sebahagian besar peruntukan ini iaitu sejumlah **RM180 juta** diagihkan bagi menjelaskan bayaran kontrak pembersihan bandar yang dilaksanakan oleh **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)** bagi tujuan pembersihan dan pencucian siar kaki, jalan longkang dan kutipan sampah berjadual di Kuala Lumpur.

Di samping itu, DBKL juga memperuntukkan sebanyak **RM100 juta** untuk program pemindahan sampah dari pusat pengumpulan sampah di Taman Beringin ke pusat pelupusan sampah di *Bukit Tagar Sanitary Landfills*. Jumlah ini meliputi caj **RM36.36** bagi satu tan metrik untuk proses pengumpulan sampah dari kawasan domestik di sekitar Kuala Lumpur ke Taman Beringin serta yuran *tipping* **RM49** bagi satu tan metrik untuk proses pemindahan sampah dari Taman Beringin ke Bukit Tagar.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM2.5 juta** disediakan bagi membekal dan memasang mesin kawalan sampah / *spiral waste bin* yang melibatkan kos projek keseluruhan sebanyak **RM5 juta** di 23 kawasan pusat penjaja di bawah seliaan DBKL. Dengan penggunaan mesin kawalan sampah / *spiral waste bin* tersebut, ianya bukan sahaja dapat mengurangkan pencemaran bau di kawasan pengumpulan sampah, malahan ia juga dapat meningkatkan kebersihan dan pemandangan persekitaran kawasan penjaja melalui pengumpulan sampah secara tertutup.

### **22.3. Program Penghijauan, Penyelenggaraan Taman, Tanah Lapang dan Kemudahan Rekreasi :**

Sebagai PBT yang diamanahkan untuk menguruskan ibu kota Kuala Lumpur, DBKL bertanggungjawab menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020. Terdapat empat (4) taman utama dan tiga belas (13) taman awam di Kuala Lumpur yang bukan sahaja dapat mengindah dan menceriakan persekitaran ibu kota ini, malahan ia juga dapat dijadikan kawasan rekreasi dan kemudahan riadah bagi semua peringkat umur dan golongan kurang upaya. Di samping itu, ia juga memainkan peranan yang penting bagi mengimbangi kepesatan hutan konkrit di sekitar Kuala Lumpur.

DBKL menyediakan sejumlah **RM72.28 juta** di bawah Peruntukan Mengurus bagi membiayai program penghijauan dan penyelenggaraan taman-taman awam di seluruh Kuala Lumpur. Jumlah ini termasuk **RM40.35 juta** yang diperuntukkan bagi aktiviti pengindahan dan penyelenggaraan empat (4) taman utama (Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Permaisuri dan Taman Metropolitan Batu) serta tiga belas (13) taman awam, padang, tanah lapang dan taman permainan. Di samping itu, sebanyak **RM23.45 juta** disediakan bagi tujuan penyelenggaraan pokok dan bunga-bunga, **RM4.08 juta** diperuntukkan bagi penyelenggaraan haiwan dan pasukan berkuda manakala penyelenggaraan sistem pancutan air dan pembersihan tanah perkuburan disediakan sebanyak **RM4.1 juta** dan **RM300 ribu** masing-masing.

Di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM45.25 juta** yang melibatkan **24 projek** disediakan bagi program ini. Ini termasuklah peruntukan sebanyak **RM15 juta** bagi projek menaik taraf Taman Botani Perdana sebagai salah satu lokasi tarikan pelancong di Kuala Lumpur. Selain itu, sebanyak **RM8 juta** diperuntukkan untuk pembangunan Taman Pudu Ulu Fasa II di Cheras serta **RM4 juta** untuk pembangunan semula Taman Tasik Permaisuri di Bandar Tun Razak. Untuk menghidupkan lagi kawasan-kawasan di sekitar Kuala Lumpur, peruntukan **RM7 juta** disediakan bagi program penanaman pokok.

#### **22.4. Program Jalan Raya dan Saliran :**

Bagi mewujudkan satu struktur bandar raya yang efisien, keupayaan menyediakan satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif, bersepadu dan kemudahsampaian yang tinggi kepada pengguna dan penduduk Kuala Lumpur adalah penting. Dianggarkan terdapat lebih 3 juta kenderaan keluar masuk ke ibu kota setiap hari terutamanya pada waktu puncak memandangkan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan pusat tumpuan aktiviti ekonomi yang semakin pesat.

Lantaran itu, adalah penting bagi DBKL untuk menyediakan peruntukan yang besar bagi program penyelenggaraan jalan raya dan saliran secara berterusan.

DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM118.25 juta** di bawah Peruntukan Mengurus bagi kerja-kerja pengisaran dan penurapan jalan-jalan utama, jalan-jalan awam, kawasan perumahan dan lorong sisi / belakang di seluruh Kuala Lumpur yang dianggarkan sepanjang 2,010 km. Ianya juga termasuk kerja-kerja membaikpulih, menyelenggara jalan, longkang dan penyelenggaraan pagar keselamatan jalan raya selain **RM10 juta** yang diperuntukkan khas bagi penyelenggaraan sungai.

Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan juga menyediakan pembiayaan terbesar di mana bagi program ini sebanyak **RM552.05 juta** diperuntukkan yang melibatkan **90 projek** untuk dilaksanakan. Hal ini membuktikan komitmen DBKL bersama-sama pihak kerajaan untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan dan perhubungan di kawasan Kuala Lumpur dari masa ke masa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM324.9 juta** diagihkan bagi tujuan membina serta menaik taraf jalan raya dan **RM227.15 juta** bagi kerja-kerja perparitan dan saliran.

Bagi kerja-kerja jalan raya, DBKL merancang untuk melaksanakan **40 projek** di mana **32 projek** adalah menggunakan pembiayaan DBKL dengan peruntukan sebanyak **RM123.8 juta**. Ianya turut melibatkan **12 projek baru** yang diperuntukkan sebanyak **RM13 juta** bagi cadangan menaik taraf dan mempertingkatkan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, terdapat **7 projek** di bawah pembiayaan RMK-11 dengan peruntukan sebanyak **RM199.1 juta**. Ini termasuklah 1 projek baru iaitu projek penyuraian trafik dan menaik taraf Jalan Tun Razak yang bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu kota melibatkan kos projek sebanyak **RM903 juta** akan dilaksanakan secara kerjasama strategik awam-swasta dengan peruntukan 2016 sebanyak **RM100 juta**.

Manakala terdapat **1 projek** yang melibatkan kerja-kerja pembaikan cerun di tanah milik kerajaan dibiayai oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan peruntukan sebanyak **RM2 juta** turut dilaksanakan.

Dalam pada masa yang sama, sebanyak **50 projek** pembangunan dirancang yang melibatkan kerja-kerja perparitan serta penyelenggaraan sungai dengan peruntukan berjumlah **RM227.15 juta**. Kebanyakan projek ini bertujuan untuk mempertingkatkan sistem perparitan bagi mengatasi masalah banjir kilat yang seringkali melanda Kuala Lumpur.

Di bawah kerja-kerja perparitan serta penyelenggaraan sungai tersebut, sejumlah **RM54.9 juta** atau **38 projek** merupakan pembiayaan DBKL manakala sebanyak **RM16 juta** melibatkan **2 projek** merupakan pembiayaan RMK-11. Di samping itu, sejumlah **RM155.55 juta** disalurkan melalui NKEA yang melibatkan **8 projek** berkaitan **Greater KL / KV (River of Life)** selain baki **2 projek** dengan peruntukan **RM700 ribu** bagi pewartan rezab sungai dan kolam takungan banjir serta kajian sumber air bawah tanah di WPKL yang dibiayai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

#### 22.5. Program Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalu Lintas :

Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat dan Bandaraya Taman Bercahaya, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa cerah bercahaya dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya. Oleh itu, sejumlah **RM37 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus di mana sebanyak **RM18 juta** disediakan untuk penyelenggaraan 40,794 lampu jalan (*lantern*) bagi memastikan ianya berfungsi dengan baik. Di samping itu, sebanyak **RM6 juta** diperuntukkan bagi menyediakan lampu hiasan serta lampu limbah manakala **RM13 juta** lagi bagi bayaran bil elektrik.



Bagi memastikan kepentingan pengguna jalan raya terus terjaga, sebanyak **RM49 juta** diperuntukkan di bawah Peruntukan Mengurus bagi aktiviti kemudahan dan penyelenggaraan sistem lalu lintas. Daripada jumlah itu, **RM29 juta** diperuntukkan untuk sewaan peralatan ITIS untuk memastikan lalulintas di Kuala Lumpur sentiasa berjalan dengan lancar. Di samping itu, sebanyak **RM2 juta** disediakan bagi menjelaskan bayaran bil elektrik lalu lintas, manakala sejumlah **RM18 juta** diagihkan untuk program pemasangan peralatan keselamatan, penyewaan CCTV, mengecat tanda garisan, penyelenggaraan bonggol, lampu isyarat dan papan tanda lalu lintas serta membaiki persimpangan jalan dan lokasi merbahaya yang bertujuan untuk menambah baik tahap keselamatan pengguna jalan raya dan pejalan kaki.

Selain itu, DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM42.2 juta** bagi melaksanakan **46 projek** di bawah Peruntukan Pembangunan bagi program lampu jalan dan kemudahan sistem lalu lintas. Bagi kerja-kerja pemasangan lampu-lampu jenis LED di sekitar jalan Kuala Lumpur, DBKL telah menyediakan peruntukan sejumlah **RM8.9 juta** bagi **4 projek** untuk dilaksanakan. Selain itu, peruntukan sebanyak **RM2 juta** untuk pemasangan lampu-lampu awam di lorong-lorong belakang bagi meningkatkan keselamatan warga kota.

Dalam meningkatkan usaha untuk mengurangkan pencemaran udara di Kuala Lumpur, sebanyak **RM2.7 juta** meliputi **5 projek** disediakan bagi kajian penyediaan pelan induk basikal serta pembinaan laluan basikal di sekitar Kuala Lumpur.

Manakala bagi menaik taraf sistem lalu lintas dan mempertingkatkan keselamatan pejalan kaki, sebanyak **RM7 juta** disediakan khas untuk kajian keperluan penyediaan jejantas pejalan kaki serta pembinaan kemudahan jejantas pejalan kaki di seluruh Kuala Lumpur yang melibatkan **9 projek** selain **RM1 juta** lagi untuk kajian penyediaan pelan induk pejalan kaki.

Di samping itu, sebanyak **RM2 juta** diperuntukkan bagi pembinaan koridor Jalan Pudu di Jalan Tun Perak, Lebuhraya Pudu dan Jalan Silang serta peruntukan sebanyak **RM2.15 juta** bagi penyediaan pelan induk dan cadangan *Pedestrian Linkages* dari bangunan ke bangunan di pusat bandar Kuala Lumpur untuk keselamatan dan kemudahan warga kota.

#### **22.6. Program Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Siar Kaki:**

Kemudahan serta lokasi tempat letak kereta, hentian bas dan siar kaki yang strategik dan praktikal perlu disediakan bagi menggalakkan orang awam menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti LRT, monorel, KTM komuter dan bas. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab DBKL untuk memastikan kawasan tersebut diselenggara dengan baik bagi kemudahan dan keperluan warga kota dan penduduk sekitar.

Justeru, di bawah Peruntukan Mengurus, sejumlah **RM5.22 juta** diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan ruang menunggu teksi, terminal bas, kemudahan berjalan kaki dan pengurusan tempat letak kereta.

Manakala sejumlah **RM64.04 juta** membabitkan **29 projek** disalurkan di bawah Peruntukan Pembangunan di mana **14 projek** merupakan projek baru. Antaranya adalah 13 projek bakal dilaksanakan yang melibatkan pembinaan tempat letak kereta. Berdasarkan rungutan yang sering dikemukakan oleh penduduk kawasan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat berkaitan bilangan tempat letak kereta yang tarhad, DBKL telah merancang untuk membina tempat letak kereta di 12 lokasi di Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat dengan peruntukan sebanyak **RM44 juta**. Selain itu, sebanyak **RM5 juta** diperuntukkan bagi kerja-kerja *Quick Win* menaik taraf dan pengindahan kawasan di bawah Presint-Presint *Urban Design Guidelines* (UDG). Projek ini melibatkan kerja-kerja fizikal bagi menambahbaik kawasan sedia ada yang infrastrukturnya telah lengkap tetapi kekurangan dari segi daya tarikan.

Umpamanya menaik taraf dan pengindahan siar kaki dan bulatan jalan di lokasi-lokasi seperti di Bukit Bintang dan Chow Kit. Seterusnya di bawah pembiayaan NKEA *Greater KL / KV* sebanyak **RM2.7 juta** diperuntukkan bagi 3 pakej projek *Pedestrian Network*.

## **22.7. Program Penyelenggaraan, Naiktaraf & Ubahsuai Bangunan :**

DBKL perlu menyediakan suasana persekitaran yang kondusif dan selesa bagi melahirkan kakitangan yang berkualiti, cekap dan efisien di dalam melaksanakan operasi harian. Bagi merealisasikan hasrat ini, sebanyak **RM41.93 juta** diperuntukkan di bawah Peruntukan Mengurus yang meliputi kerja-kerja penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan milik DBKL seperti berikut :

- 22.7.1. Bangunan pejabat sejumlah **RM18.72 juta**.
- 22.7.2. Stor kecil dan depon / bengkel sejumlah **RM1.22 juta**.
- 22.7.3. Kuarters, rumah buruh dan kremator sejumlah **RM6 juta**.
- 22.7.4. Penyelenggaraan alat hawa dingin sejumlah **RM3.65 juta**.
- 22.7.5. Penyelenggaraan lif dan jentera sejumlah **RM1.9 juta**.
- 22.7.6. Pembersihan pejabat dan bangunan sejumlah **RM10.4 juta**.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula sejumlah **RM33.79 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan **48 projek** melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan, naiktaraf dan ubahsuai bangunan-bangunan pejabat milik DBKL. Antaranya adalah mereka bentuk dan menaik taraf bangunan DBKL di Jalan Tangsi yang diperuntukkan sebanyak **RM5 juta** serta pembinaan tiga buah pejabat baru untuk Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal dan Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar bagi menggantikan bangunan pejabat lama yang telah usang dengan peruntukan sebanyak **RM15 juta**.

## 22.8. Program Penjaja dan Peniaga Kecil :

Bersesuaian dengan matlamat Pelan Strategik Kuala Lumpur, '*Bandaraya Makmur Ekonomi*' usaha bagi melahirkan lebih ramai usahawan dan peniaga kecil yang boleh menjana serta merancakkan pertumbuhan ekonomi Bandaraya Kuala Lumpur perlu dipertingkatkan. Oleh itu, golongan ini perlu dibantu bagi menggalakkan sektor perusahaan kecil-kecilan berupaya memperkukuhkan aktiviti ekonomi domestik dalam negara. Selain itu, golongan ini juga merupakan ejen ekonomi yang efektif dan efisien dalam pengagihan barangan dan perkhidmatan kepada pengguna.

DBKL berusaha untuk membantu golongan ini dalam pelbagai cara melalui pembangunan kawasan perniagaan kecil-kecilan seperti pengoperasian pasar, bazar, pasar malam, kios, gerai berkunci dan sambungan tepi bangunan. Untuk tujuan ini, sebanyak 105 kawasan pasar malam, 28 pasar berbangunan, 47 pasar terbuka, 57 pusat penjaja DBKL serta 54 pusat penjaja swasta telah dibangunkan oleh DBKL.

Dalam membantu golongan ini, sejumlah **RM13.98 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus di mana sebanyak **RM6.43 juta** adalah bagi kerja penyelenggaraan bangunan pasar, pusat penjaja, tapak penjaja dan kios agar dapat memastikan mereka menjalankan perniagaan harian dengan baik. Selain itu, sebanyak **RM1.8 juta** diperuntukkan bagi penyelenggaraan rumah sampah dan sebanyak **RM5.5 juta** diperuntukkan bagi bil air pusat penjaja. Selebihnya, iaitu sebanyak **RM250 ribu** adalah untuk kursus dan seminar penjaja yang bertujuan untuk memberikan mereka pendedahan dan ilmu bidang keusahawanan dan perniagaan.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM24.5 juta** atau **25 projek** disediakan bagi pembangunan dan pembinaan pasar dan pusat penjaja di seluruh kawasan Kuala Lumpur.

Antaranya adalah pembangunan Pusat Penjaja di Pekan Sungai Besi yang berjumlah **RM4 juta**, Kompleks Perniagaan Bersepadu (ICC) di PT 123 dan PT 125 berhampiran Plaza Pudu yang berjumlah **RM3.15 juta** serta pembinaan Pusat Penjaja di PPR Bukit Jalil 2 di Mukim Petaling yang berjumlah **RM1 juta**. Selain itu, peruntukan berjumlah **RM5 juta** juga disediakan untuk pembangunan Pasar Raja Bot yang terletak di Kampong Bharu di bawah pembiayaan RMK-11 di samping peruntukan **RM5 juta** untuk pembangunan dan penyelenggaraan sistem berminyak komunal berpusat (*Communal Grease Trap*) di gerai-gerai milik DBKL di bawah pembiayaan NKEA.

#### **22.9. Program Penguatkuasaan :**

Bagi mempertingkatkan keselamatan awam dalam negara agar kualiti hidup khususnya kepada warga kota lebih terjamin, DBKL memperuntukkan sejumlah **RM27.92 juta** di bawah Peruntukan Mengurus. Sebahagian besar daripadanya dibelanjakan bagi perkhidmatan keselamatan iaitu sejumlah **RM23.56 juta**, di samping belanja percetakan notis tawaran kompaun kesalahan sebanyak **RM2 juta** dan operasi penguatkuasaan sebanyak **RM1.71 juta**.

#### **22.10. Program Perumahan Awam & Perumahan Rakyat :**

Dengan anggaran kepadatan penduduk seramai 7,120 orang per kilometer persegi, Kuala Lumpur memerlukan bilangan rumah yang mencukupi untuk menampung pertambahan jumlah warga kota yang menghuni bandar raya ini. Beban kos sara hidup yang semakin meningkat bagi menjalani kehidupan di kota raya ini mengehendkan kemampuan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri di Kuala Lumpur.

Justeru, bertepatan dengan dasar kerajaan untuk terus menyediakan rumah mampu milik, DBKL komited untuk menyediakan, mengurus serta menyelenggara rumah-rumah tersebut di kawasan Kuala Lumpur.

Setakat ini, sebanyak **71,031 unit** Rumah Sewa Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) serta Rumah Jual yang diuruskan oleh DBKL di keseluruhan 98 kawasan. Daripada keseluruhan unit PA dan PPR, sebanyak **45,357 unit** ditawarkan kepada penyewa sedia ada untuk dijual bagi memberi peluang kepada golongan warga kota yang berpendapatan rendah memiliki rumah di Kuala Lumpur.

Walaupun sebanyak **12,345 unit (27%)** telah dijual sehingga 30 September 2015, DBKL masih bertanggungjawab dalam memastikan keselesaan penduduk kawasan perumahan tersebut. Justeru, untuk memastikan keselesaan dan kebajikan penghuni di kawasan tersebut sentiasa terjaga, Peruntukan Mengurus yang agak tinggi sebanyak **RM153.09 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa. Ia melibatkan kerja-kerja awam elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan. Untuk makluman, kos-kos penyelenggaraan ini semakin meningkat dari tahun ke tahun disebabkan kerosakan yang tidak dapat dielakkan serta kos alat dan peralatan ganti yang semakin tinggi. Peruntukan penyelenggaraan ini cukup besar jika dibandingkan dengan hasil jualan dan sewaan yang diperolehi untuk unit-unit berkenaan. Hal ini menyebabkan DBKL perlu menanggung kerugian besar setiap tahun untuk menyelenggara unit-unit perumahan awam dan rakyat ini.

Namun begitu, dalam memahami permasalahan warga kota untuk mendapatkan keperluan tempat tinggal lebih-lebih lagi dengan harga rumah yang terus melonjak, melalui Peruntukan Pembangunan, DBKL akan memperuntukkan sejumlah **RM48.15 juta** untuk pelaksanaan **28 projek** tahun hadapan.

Peruntukan tersebut meliputi kerja-kerja penggantian dan naik taraf lif, naik taraf sistem bekalan air dalaman, naik taraf tangki FRP kepada tangki baru jenis *Pressteel*, naik taraf sistem bumbung blok bangunan, penggantian jenang tingkap kayu kepada aluminium dan penggantian mesin *Spiral Waste Bin* di PA dan PPR di sekitar Kuala Lumpur demi keselesaan penghuninya.

Selain itu, peruntukan **RM100 ribu** dalam Bajet 2016 dengan keseluruhan kos projek **RM15 juta** merupakan perancangan pembelian **350** unit rumah kos rendah dan sederhana rendah daripada pemaju swasta, Tetuan Sentul Raya Sdn Bhd. Manakala peruntukan berjumlah **RM5 juta** dengan keseluruhan kos projek **RM312 juta** juga disediakan untuk cadangan pembangunan Perumahan Awam Kg. Sungai Udang, Segambut yang melibatkan pembinaan 1327 unit rumah mampu milik untuk ditawarkan kepada orang awam.

#### 22.11. Program Kesihatan

Persekitaran yang bersih, selamat dan selesa juga merupakan satu aspek penting yang perlu diitik beratkan khususnya yang berkaitan penjagaan kesihatan dan masalah penyakit yang berpunca daripada bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Sehubungan itu, melalui program kesihatan, sejumlah **RM6.43 juta** diperuntukkan di mana **RM4 juta** disediakan untuk kerja-kerja *fogging* yang bertujuan mengawal penyakit bawaan nyamuk seperti denggi dan malaria. Selain itu sebanyak **RM1.7 juta** diperuntukkan khas untuk bekalan ubat pencegah bagi penyakit bawaan nyamuk. Adalah diharapkan dengan tindakan pencegahan yang dilaksanakan oleh DBKL dapat mengekang dan mengawal kes wabak denggi di kawasan Kuala Lumpur.

## 22.12. Program Pembangunan Komuniti :

Peranan DBKL bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata malahan DBKL juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan pembangunan komuniti warga kota. Masyarakat yang maju dan sejahtera merupakan jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur berdaya saing dan terus maju ke hadapan seterusnya membantu Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Bagi merealisasikan wawasan kebangsaan untuk melahirkan modal insan yang memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai moral yang tinggi, pelbagai aktiviti dirancang termasuklah melaksanakan program khas komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong yang dapat memupuk semangat toleransi, harmoni dan saling bekerjasama di antara masyarakat yang berbilang budaya, bangsa dan agama. Selain itu, golongan khas seperti OKU, warga emas dan gelandangan juga tidak diabaikan dari aspek kebajikannya. Sememangnya golongan-golongan ini layak untuk dipertingkatkan kualiti hidup mereka dengan menyediakan pelbagai program serta kemudahan yang bersesuaian.

Untuk tujuan itu, sejumlah **RM35.68 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus bagi manfaat serta tanggungjawab sosial kepada warga kota Kuala Lumpur.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM49.47 juta** yang melibatkan **55 projek** disediakan bagi program ini. DBKL memperuntukkan sebanyak **RM10 juta** bagi tujuan projek-projek kecil di PA dan PPR seperti pembinaan taman kanan-kanak, gelanggang permainan baru, gerai penjaja dan pusat harian warga emas. Selain itu, sejumlah **RM5 juta** juga disediakan untuk membina dewan komuniti di PPR Bukit Jalil 1, **RM3 juta** untuk menaik taraf perpustakaan DBKL di sekitar Kuala Lumpur dan **RM3 juta** untuk pemasangan alat penghawa dingin di beberapa dewan serbaguna di sekitar Kuala Lumpur.



Manakala di bawah pembiayaan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia, sejumlah **RM5 juta** disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rumah swasta kos rendah dan kos sederhana di sekitar Wilayah Persekutuan yang membuat permohonan dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Manakala Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan turut menyalurkan pembiayaan sebanyak **RM1.5 juta** bagi membina sebuah kompleks akademi tahfiz Darul Abrar di atas tanah milik Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) serta **RM100 ribu** bagi kerja-kerja pembesaran surau PPR Beringin Fasa 2.

### 22.13. Program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan :

Program kebudayaan, kesenian dan sukan boleh membentuk dan menyatupadukan masyarakat selain penting bagi perkembangan fizikal dan minda penduduk. Justeru, usaha bagi mempromosikan program dan aktiviti kebudayaan, kesenian dan sukan adalah penting dalam strategi pembangunan komuniti Kuala Lumpur sebagai satu entiti moden dengan identiti dan imej tersendiri yang kaya dengan seni dan budaya yang boleh dibanggakan.

Untuk itu, sejumlah **RM15.78 juta** di bawah Peruntukan Mengurus telah disediakan untuk program ini di mana **RM4.5 juta** dan **RM4 juta** masing-masing diperuntukkan untuk kegiatan sukan dan kegiatan kebudayaan Wilayah Persekutuan. Sementara itu, **RM3.5 juta** lagi diperuntukkan untuk penyelenggaraan stadium dan kompleks renang bagi kemudahan warga kota. Ianya bertujuan untuk membantu masyarakat khususnya penduduk Kuala Lumpur memupuk semangat riadah dan bersukan lebih-lebih lagi bersesuaian dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan generasi aktif dan sihat.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM25.2 juta** yang meliputi **10 projek** disediakan bagi program ini. DBKL memperuntukkan sebanyak **RM2 juta** bagi tujuan menaik taraf sistem pembentungan bagi KL Sport City di Bandar Tun Razak selain **RM1 juta** turut disediakan untuk menaik taraf kolam renang KL Sport City. Melalui pembiayaan RMK-11 sebanyak **RM20 juta** pula diperuntukkan untuk menaik taraf Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur sebagai persediaan Malaysia menjadi tuan rumah bagi Sukan SEA 2017.

#### **22.14. Program Pelancongan :**


Walaupun hanya berkeluasan 243.65 km persegi, Kuala Lumpur mempunyai banyak kelebihan untuk ditawarkan sebagai destinasi pelancongan di negara ini. Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Dataran Merdeka dan Masjid Negara adalah antara tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh pelancong asing yang pada masa yang sama, mendatangkan pulangan lumayan kepada negara. Sebagai ibu negara juga, Kuala Lumpur menjadi gerbang masuk ke Malaysia yang juga berperanan sebagai jendela yang mencerminkan keunikan dan kepelbagaian produk-produk pelancongan yang berasaskan keunikan sosio-budaya masyarakat Malaysia.

Justeru, bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sejumlah **RM13.75 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus di mana **RM12.25 juta** adalah bagi aktiviti penggalakan dan program khas pelancongan.

Selain itu, di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM26.15 juta** atau **15 projek** disediakan bagi melaksanakan projek-projek yang dirancang seperti pembinaan pintu gerbang di sempadan masuk Kuala Lumpur, menaik taraf dan pengindahan lokasi tumpuan pelancong, program khas pemantapan bangunan warisan serta program *KL Heritage Trail*.

Dengan inisiatif serta pelaksanaan projek-projek tersebut, ianya diharap dapat mengeksploit isu kejatuhan nilai ringgit bagi menggalakkan kemasukan ramai pelancong asing ke negara kita dan seterusnya memberikan hasil tambahan kepada negara.

**ANGGARAN HASIL 2016**



CARTA 5

## RINGKASAN ANGGARAN HASIL BAGI TAHUN 2016

FOLIO	PERKARA	2015 ANGGARAN ( RM )	2016 ANGGARAN ( RM )	KENAIKAN/ (PENURUNAN) %	PECAHAN HASIL %
A	<b>KUMPULAN WANG CUKAI AM</b>				
	<b>HASIL CUKAI</b>				
	CUKAI LANGSUNG	1,004,000,000	1,026,114,000	2.20	44.81
	<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>				
	LESEN, BAYARAN PENDAFTARAN DAN PERMIT	82,192,000	65,000,000	(20.92)	2.84
	PERKHIDMATAN DAN BAYARAN PERKHIDMATAN	1,850,000	1,900,000	2.70	0.08
	PEROLEHAN DARI JUALAN BARANG-BARANG / ASET	2,000,000	2,000,000	0.00	0.09
	SEWAAN	15,150,000	32,591,200	115.12	1.42
	FAEDAH DAN PEROLEHAN DARI PELABURAN	117,700,000	162,000,000	37.64	7.07
	DENDA DAN HUKUMAN	25,000,000	20,000,000	(20.00)	0.87
	PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA	12,650,000	13,000,000	2.77	0.57
	KAWALAN BINAAN DAN PERANCANGAN	317,500,000	160,000,000	(49.61)	6.99
	PENDAPATAN DARI SUMBER-SUMBER LAIN	2,384,800	542,123,500	22,632.45	23.67
		<b>576,426,800</b>	<b>998,614,700</b>	<b>(35.42)</b>	<b>27.77</b>
	<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>				
	BANTUAN DARI KERAJAAN PUSAT / AGENSI KERAJAAN	98,500,000	89,700,000	(8.93)	3.92
	<b>JUMLAH KUMPULAN WANG CUKAI AM</b>	<b>1,678,926,800</b>	<b>2,114,428,700</b>	<b>(17.70)</b>	<b>80.89</b>
B	<b>KUMPULAN WANG PENSWASTAAN</b>	310,270,300	93,074,600	(70.00)	4.06
C	<b>AKAUN PERUMAHAN AWAM</b>				
	SEWAAN & PELBAGAI	33,322,500	31,671,000	(4.96)	1.38
D	<b>TABUNG PERUMAHAN RAKYAT</b>				
	SEWAAN & PELBAGAI	53,229,900	50,770,000	(4.62)	2.22
	<b>JUMLAH HASIL (A + B + C + D)</b>	<b>2,075,689,500</b>	<b>2,289,944,300</b>	<b>10.32</b>	<b>100</b>

JADUAL 2

23. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada warga kota, DBKL perlu berusaha keras menambahkan hasil bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang bakal meningkat setiap tahun.
24. Dianggarkan dalam Bajet 2016, DBKL bakal memperoleh hasil sebanyak **RM2.29 bilion** berbanding **RM2.08 bilion** dalam tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak **10.32%**.
25. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Cukai Taksiran merupakan penyumbang utama untuk hasil keseluruhan DBKL iaitu sebanyak **RM1.026 bilion** atau **44.8%**. Walau bagaimanapun, anggaran hasil cukai ini hanya berjaya dicapai sekiranya 100% pembayar cukai menjelaskannya.

26. Untuk makluman, tiada peningkatan dalam jumlah cukai taksiran yang perlu dibayar pada tahun 2016 di mana DBKL masih mengekalkan caj cukai taksiran pada kadar yang lama walaupun caj ini tidak menggambarkan nilai semasa. Keputusan ini dicapai dengan mengambil kira kebajikan warga kota bagi mengurangkan beban kewangan untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.
27. Selain itu, hasil kedua terbesar datangnya daripada pendapatan daripada sumber lain iaitu hasil pelupusan aset sebanyak **RM542.1 juta** atau **23.7%**. Hasil daripada pelupusan aset ini telah menyumbang kepada peningkatan keseluruhan anggaran hasil 2016 yang seterusnya membantu bagi mencapai bajet seimbang.
28. Hasil-hasil lain adalah termasuk hasil pelaburan sebanyak **RM162 juta (7%)**, bayaran kawalan binaan dan perancangan sebanyak **RM160 juta (7%)**, hasil pulangan projek penswastaan sebanyak **RM93.07 juta (4%)**, hasil sewaan perumahan berjumlah **RM82.44 juta (3.6%)** serta lesen dan permit sebanyak **RM65 juta (2.8%)**.
29. Hasil kawalan binaan dan perancangan pada tahun 2016 telah berkurang kepada **RM160 juta** lanjutan daripada insentif kepada pemaju dengan pemberian diskaun sebanyak **50%** ke atas caj pembangunan. Insentif ini telah diberikan mulai 1 September 2015 untuk membantu kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam sektor pembinaan.
30. Untuk menampung sebahagian daripada Peruntukan Pembangunan, ianya akan dibiayai melalui Peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah RMK-11 yang berjumlah **RM246.5 juta (22 projek)**, NKRA yang berjumlah **RM6.8 juta (5 projek)** serta NKEA *Greater KL / KV* yang berjumlah **RM170.1 juta (20 projek)**. Selain itu, Peruntukan Pembangunan ini turut disokong daripada pembiayaan swasta (Petronas) sebanyak **RM2 juta (1 projek)** dan lain-lain pembiayaan (TP-1Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) sebanyak **RM9.3 juta (6 projek)**.

## **PENUTUP DAN RUMUSAN**

31. Secara keseluruhannya, Bajet 2016 adalah merupakan **belanjawan seimbang** di mana DBKL dianggarkan mempunyai lebih sebanyak **RM562.3 juta** setelah mengambil kira perbelanjaan operasi (Anggaran Hasil - Anggaran Perbelanjaan Mengurus) untuk disalurkan ke Perbelanjaan Pembangunan. Anggaran Hasil 2016 berjaya menyeimbangi Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan di bawah pembiayaan DBKL.
32. Melalui program-program yang dilaksanakan, DBKL akan menggembeng segala usaha dan tenaga bagi merealisasikan pencapaiannya pada tahun hadapan di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota Kuala Lumpur dan pelanggannya.
33. DBKL juga akan terus mengamalkan budaya pengurusan kewangan yang teratur dan cekap dengan menerapkan amalan perbelanjaan berhemah dan “**value for money**” bagi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan integriti di dalam pengurusan kewangan DBKL.
34. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas, besarlah harapan saya agar program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun 2016 dapat memberi manfaat yang besar kepada warga kota dan impak yang baik terhadap pembangunan bandar raya Kuala Lumpur dari segi fizikal, ekonomi dan sosial selaras dengan objektif dan Visi DBKL menjadi '**Bandaraya Bertaraf Dunia**' serta Visi Wilayah Persekutuan '**Maju dan Sejahtera**'.

**SEKIAN.**